



INDUSTRI TAKAFUL KELUARGA DI KALANGAN MASYARAKAT: SATU KAJIAN DI TANJUNG MALIM, PERAK

MOHD RUSDI BIN MANSOR

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PERNIAGAAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



DECLARATION

I hereby declare that the writing in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

3 November 2004

MOHD RUSDI BIN MANSOR

2002-00692





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, penulis bersyukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya memberikan taufik dan hidayah serat inayahNya kepada penulis sehingga dapat menyiapkan kertas projek ini.

Dalam kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek ini, En Khalizul Khalid yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat yang berguna buat penulis sepanjang tempoh menyiapkan kertas projek ini.

Penulis mengucapkan terima kasih kepada guru-guru dan para pensyarah yang selama ini banyak mencurahkan ilmu dan bakti kepada penulis. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan sekuliah kerana membantu sepanjang tempoh pengajian di UPSI.

Teristimewa penghargaan ini, dihulurkan kepada isteri tersayang Habsah Zakaria kerana banyak membantu dan memberi dorongan sepanjang tempoh pengajian hingga siapnya kertas projek ini. Untuk Muhammad Arif dan Nurin Farah Izzati dan Nur Afrina ini adalah untuk kamu.

Akhirnya, untuk semua yang telah memberikan bantuan dan pertolongan dalam menyiapkan kertas projek ini, terima kasih diucapkan. Diharap segala jasa dan bakti yang dihulurkan akan mendapat ganjaran dari Allah s.w.t. semoga kesejahteraan dan kebahagiaan akan menjadi milik kita. Insya Allah.





ABSTRAK

Sistem Insurans Secara Islam atau dikenali sebagai Takaful merupakan satu sistem yang telah mula dipraktikkan di Malaysia sejak 20 tahun yang lalu. Pelaksanaan Sistem Takaful bertujuan untuk melengkapkan Sistem Perbankan Islam pada ketika itu yang dijalankan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Takaful beroperasi berdasarkan konsep al Takaful, al Mudharabah, al Tabarru' dan mengikut hukum syarak. Kajian ini mencari alasan mengapa peserta takaful menyertai takaful keluarga. Manakala bagi bukan peserta takaful kajian ini mencari alasan kenapa mereka menyerta takaful keluarga. perlindungan yang tinggi merupakan faktor utama yang dipertimbangkan oleh masyarakat untuk menyertai takaful keluarga. Hasil daripada pendapat umum kajian ini dapat dimasih ramai masyarakat tidak tahu perbezaan takaful. Hasil daripada kajian ini dapat digunakan untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan yang ada supaya takaful dapat terus berjaya dengan lebih gemilang seiring dengan kejayaan Negara Malaysia.





ABSTRACT

Islamic Insurance System or known as “Takaful” has been practiced in Malaysia since 20 years ago. The purpose of implementing Takaful system is to complement the work of “Bank Islam Malaysia Berhad” (BIMB), which also to fulfill the need of the Muslim community to have a comprehensive Islamic Insurance System in line with the conventional insurance system. The foundation of Takaful operates along with the concept of *al Takaful*, *al Mudharabah*, *al Tabarru’* and which also follow the Hukum Syara’ which are monitored by the committee of “Majlis Pengawasan Syariah”(MPS) / Syariah Council for monitor the operation and investment Takaful company. The objective of research is to find out of why there is still low participation of Muslim community even though there is an overwhelming growth in this industry. The result of the research can be used to overcome the weakness of the Takaful so that, it will continue the excellent growth in Malaysia.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
DECLARATION	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB I	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan 1
1.2	Industri Takaful 6
1.2.1	Perkembangan Industri Takaful 6
1.2.2	Penubuhan Syarikat Takaful Di Malaysia 7
1.2.3	Latar Belakang Perkembangan Industri Takaful Di Malaysia 9
1.2.4	Syarikat-Syarikat Takaful Di Malaysia 11
1.2.4.1	Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) 11

1.2.4.2	Syarikat Takaful Nasional Sdn Bhd	12
1.2.4.3	Maybank Takaful Berhad	12
1.2.4.4	Takaful Ikhlas	12
1.2.5	Jenis Perlindungan Takaful	13
1.2.5.1	Takaful Keluarga	13
1.2.5.2	Takaful Am	17
1.3	Pendapat Ulama Tentang Hukum Insurans	18
1.4	Kawalan Undang-Undang Dan Peraturan Takaful	21
1.5	Konsep-Konsep Insurans Islam	
1.5.1	Konsep Takaful	22
1.5.2	Konsep <i>Tabarru'</i>	24
1.5.3	Konsep Aqad dan <i>Gharar</i>	24
1.5.4	Konsep Urus Niaga Islam	25
1.6	Pernyataan Masalah	25
1.7	Objektif Kajian	28
1.8	Hipotesis Kajian	29
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	31
2.2	Dapatan Kajian Lepas	31
2.3	Kesimpulan	39

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	40
3.2	Kaedah Dan Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Sampel Kajian	41
3.4	Definisi Dalam Soal Selidik	42
3.5	Instrumen Kajian	44
3.6	Bidang Kajian	49
3.7	Batasan Kajian	50
3.8	Pengumpulan Data	51
3.9	Analisis Data	52

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	53
4.2	Ciri-Ciri Peserta Takaful	54
4.2.1	Peserta Takaful Mengikut Umur	54
4.2.2	Peserta Takaful Mengikut Jantina	55
4.2.3	Peserta Takaful Mengikut Status Perkahwinan	56
4.2.4	Peserta Takaful Mengikut Bangsa	57
4.2.5	Peserta Takaful Mengikut Agama	58
4.2.6	Peserta Takaful Mengikut Kelas Pekerjaan	59
4.2.7	Peserta Takaful Mengikut Pendidikan Tertinggi	60
4.2.8	Peserta Takaful Mengikut Pendapatan Bulanan	61



4.2.9	Peserta Takaful Mengikut Bilangan Anak	62
4.2.10	Jenis Pelan Takaful Yang Disertai	64
4.2.11	Tempat Menyertai Takaful Keluarga	65
4.2.12	Sumbangan Takaful Bulanan	66
4.3	Alasan Untuk Menyertai Takaful Keluarga	67
4.4	Bukan Peserta Takaful	70
4.4.1	Ciri-Ciri Bukan Peserta Takaful	71
4.4.2	Alasan Untuk Tidak Menyertai Takaful Keluarga	72
4.4.3	Mempunyai Insurans Konvensional	75
4.5	Faktor-faktor Yang Dipertimbangkan Untuk Menyertai Takaful Keluarga	77
4.6	Persepsi Responden Terhadap Takaful Keluarga	79
4.6.1	Responden Yang Menganggap Media Massa Boleh Mempengaruhi Menyertai Takaful	80
4.6.2	Responden Yang Akan Menyertai/Menambah Apabila Mempunyai Pendapatan Lebih	81
4.6.3	Perbezaan Antara Takaful Malaysia Dan Takaful Nasional	82
4.6.4	Perbezaan Antara Takaful Dan Insurans	83
4.6.5	Persepsi Responden Terhadap Industri Takaful	84

4.7	Hipotesis Kajian	86
4.7.1	Hubungan Antara Menyertai Takaful Dengan Taraf pendidikan	87
4.7.2	Hubungan Antara Menyertai Takaful Dengan Pendapatan Bulanan	87
4.7.3	Hubungan Antara Menyertai Takaful Dengan Faktor Agama	87
4.7.4	Hubungan Anantara Menyertai Takaful Dengan Faktor Bangsa	88
4.7.5	Hubungan Antara Menyertai Takaful Dengan Promosi Oleh Takaful	88

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	89
5.2	Rumusan	89
5.3	Cadangan	95
5.3.1	Syarikat Takaful	95
5.3.2	Pihak Kerajaan	97
5.3.3	Individu	98
5.3.4	Masyarakat	99
5.4	Kesimpulan	100

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
4.1 Peserta Takaful Mengikut Umur	54
4.2 Peserta Takaful Mengikut Jantina	55
4.3 Peserta Takaful Mengikut Status Perkahwinan	56
4.4 Peserta Takaful Mengikut Bangsa	57
4.5 Peserta Takaful Mengikut Agama	58
4.6 Peserta Takaful Mengikut Pekerjaan	59
4.7 Peserta Takaful Mengikut Pendidikan Tertinggi	60
4.8 Peserta Takaful Mengikut Pendapatan Bulanan	61
4.9 Peserta Takaful Mengikut Bilangan Anak	62
4.10 Jenis Pelan Takaful Yang Disertai	64
4.11 Tempat Menyertai Takaful Keluarga	65
4.12 Sumbangan Takaful Bulanan	66
4.13 Alasan Untuk Menyertai Takaful Keluarga	67
4.14 Alasan Untuk Tidak Menyertai Takaful Keluarga	73
4.15 Alasan Mempunyai Insuran Konvensional	77
4.16 Faktor Yang Dipertimbangkan Untuk Menyertai Takaful Keluarga	78
4.17 Peranan Media Massa Boleh Menyertai Takaful	80
4.18 Akan Menyertai Takaful Jika Pendapatan Lebih	81



Jadual

Muka Surat

4.19	Perbezaan Antara Takaful Malaysia Dan Takaful Nasional	82
4.20	Perbezaan Takaful dan Insurans	83
4.21	Persepsi Responden Terhadap Takaful Keluarga	84
4.22	Hipotesis Kajian	86



SENARAI SINGKATAN

BNM	Bank Negara Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
MPS	Majlis Pengawasan Syariah
Sdn Bhd	Sendirian Berhad
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
PTK	Pelan Takaful Keluarga
AP	Akaun Peserta
AKP	Akaun Khas Peserta
BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur
MNI	Malaysian National Insurance
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
SATK	Skim Annuiti Takaful KWSP
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
S.W.T	Subhaanahu Wa Taala



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB SATU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap insan yang hidup di dunia ini sudah pasti akan menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran. Kehidupan manusia tidak pernah terlepas daripada risiko dan ketidakpastian. (Muhammad Nejatullah Siddiqi, 1985). Kita juga terdedah kepada pelbagai kemungkinan yang tidak dijangka dan diingini seperti malapetaka, bencana alam, kemalangan, sakit dan sebagainya. Segala musibah ini berlaku pula tidak kira sama ada kita berada di rumah, pejabat, berniaga, berjalan di taman dan di mana saja. Kita mungkin akan menanggung pelbagai beban dan kesulitan jika ditakdirkan musibah yang menimpa dirinya boleh mendatangkan mudarat dan penderitaan. Jika kecelakaan ini berlaku kepada ketua keluarga sudah pasti ia akan memberi kesan kepada ahli keluarga yang lain seperti isteri, anak, ibu bapa dan ahli keluarga yang lain.



Pepatah melayu ada menyatakan “malang tidak berbau”. Sehubungan itu kejadian kemalangan, tragedi dan peristiwa buruk seperti kemalangan jalan raya, kebakaran rumah kediaman, mengidap penyakit berat dan kritikal boleh membawa kepada penderitaan dan kesusahan kepada mangsa serta ahli keluarga bukan lagi perkara baru di negara ini (Mohd Fadzli Yusof, 1996). Saban hari kita dihidangkan dengan cerita-cerita penderitaan yang terpaksa ditanggung oleh mangsa dan ahli keluarga yang ditimpa musibah. Antaranya kes kemalangan di Merapoh, Pahang di mana salah seorang mangsa ialah seorang anak yang setiap bulan menghantar wang perbelanjaan kepada orang tuanya di kampung. Sudah pasti kemalangan tersebut meninggalkan kesan kepada ahli keluarga yang ditinggalkan di kampung hilang punca pendapatan.

Sebagai seorang Islam, kita semestinya beriktikad dan yakin apa jua bentuk musibah, malapetaka dan kemalangan yang datang menimpa sesungguhnya adalah qada' dan qadar Allah S.W.T. Oleh itu sebagai seorang Islam, manusia haruslah bersedia menghadapinya dengan penuh keimanan yang teguh, kesabaran dan yakin itu adalah ketentuan dari Allah. Islam tidak menyuruh umatnya untuk menerima ketentuan dari Allah bulat-bulat. Islam membenarkan umatnya berusaha dan berikhtiar seberapa daya yang boleh untuk mengelak dan menjauhkan dari segala bencana dan musibah yang boleh membahayakan nyawa dirinya dan harta bendanya.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi kewajipan kepada setiap muslim untuk merancang dan berusaha untuk mencari jalan bagi meringankan beban tanggungan jika ditakdirkan perkara ini berlaku juga. Segala tindakan dan usaha ini adalah selaras dengan tuntutan agama Islam. Islam telah menetapkan peraturan supaya seseorang itu sentiasa peka dan seboleh-bolehnya memastikan bahawa jiwa raganya, orang di bawah tanggungannya dan harta bendanya terjamin dan terpelihara (Mohd Fadzli Yusof, 1996). Terdapat satu hadis bermaksud: “Jangan kamu tinggalkan keluarga kamu dalam keadaan meminta-minta”.

Apabila disebut perkataan Takaful sudah pasti terbayang difikiran masyarakat ia adalah Insurans Islam, yang dikhususkan untuk masyarakat beragama Islam sahaja. Sejar dengan kedudukan Islam agama sejagat dan agama rasmi di Malaysia, apa-apa sistem yang dibangunkan untuk dimanfaati oleh manusia keseluruhannya. Ia adalah tidak terhad kepada masyarakat Islam sahaja. Apabila disebut sistem yang berlandaskan hukum syarak, mungkin timbul tanggapan ia tidak terpakai bagi masyarakat bukan Islam.

Sememangnya secara am, bidang muamalat nyata tidak hanya terbatas kepada masyarakat Islam sahaja. Berbeza dengan pelaksanaan fardu ‘ain yang diwajibkan ke atas setiap individu muslim sahaja, urusan kewangan dan perniagaan lain, selagi dilaksanakan mengikut hukum syarak dan tidak pula urusannya terbabit dengan perkara-perkara tidak halal maka ia terbuka kepada semua meskipun bukan



menjadi suatu yang wajib. Atas sifat sejagat inilah dapat dilihat bilangan bukan Islam yang melanggni produk-produk kewangan Islam, baik takaful mahupun sistem perbankan yang semakin meningkat.

Berdasarkan kepada keadaan inilah maka, pihak pengendali takaful membuat sesuatu untuk memberi maklumat yang jelas kepada masyarakat bahawa sistem takaful ini boleh diamalkan ataupun disertai oleh semua golongan masyarakat sama ada muslim atau pun bukan-muslim.

Dalam bahasa kantonis, takaful yang disebut “*tai-kafu*” bermaksud kemewahan kepada semua (Takaful Malaysia). Ini selari dengan maksud kemudahan kewangan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh peserta yang ditimpa musibah. Dengan kata lain, melalui penghayatan saling jamin menjamin menurut konsep takaful akan membawa kesenangan kepada semua yang terbabit.

Melalui konsep takaful ia dapat memupuk budaya menabung. Bagi individu, tabungan penting sebagai langkah menyediakan bekalan wang ketika memerlukan. Apabila berlaku musibah beban belanja dapat diringankan dengan adanya bekalan wang yang mencukupi. Seseorang yang diserang penyakit atau ditimpa kecelakaan sudah pasti memerlukan wang untuk kos rawatan. Ada sesetengah ibu bapa yang tidak mempunyai tabungan terpaksa bergolok gadai bagi membiayai perbelanjaan pendidikan tinggi anak-anak. Sesungguhnya amalan menabung amat digalakkan





oleh Islam sebagai strategi menentang perbuatan membazir dan boros selaras dengan hadis Rasulullah:

“Allah mengurniakan rahmat kepada orang yang berusaha dengan cara yang halal, membelanjakan harta dengan bijaksana dan dapat memperuntukan sebahagian hartanya (sebagai tabungan) pada saat ia (berkemungkinan) fakir (nanti) dan di saat ia memerlukan” (muttafaq ‘alaih).

Setiap individu perlu memilih produk simpanan yang sesuai. Setiap produk tabungan mempunyai objektifnya yang tersendiri, namun bukan semua produk ini dapat memenuhi matlamat tabungan individu. Antara faktor negatif simpanan di institusi kewangan seperti Tabung Haji, Institusi Perbankan dan sebagainya mudah bagi individu untuk mengeluarkan baki simpanan dengan mudah dan jumlah yang akan diperolehi adalah sama banyak dengan jumlah wang yang telah disimpan. Sebaliknya produk Takaful Keluarga memupuk budaya menabung secara teratur, amaun yang ditabung bergantung kepada kemampuan peserta. Tiada paksaan seperti membayar premium insurans.

Bagi mencapai objektif menabung, mana-mana individu boleh menabung melalui produk takaful dengan menyertai Pelan Takaful Keluarga (PTK). PTK menyediakan pelan penyertaan mengikut tempoh matang minimum 10 tahun dengan gandaan setiap 5 tahun sehingga 40 tahun. Oleh itu, produk insurans seumpama





polisi seumur hidup tiada dibawah PTK kerana produk ini tidak dapat ditentukan bila matangnya, Memandangkan tiada seorang pun yang tahu tempoh hayatnya. Dalam konsep takaful setiap sumbangan takaful akan dipecahkan dan dikreditkan ke dalam dua akaun yang berasingan iaitu Akaun Peserta (AP) dan Akaun Khas Peserta (AKP).

1.2 Industri Takaful

1.2.1 Perkembangan Industri Takaful

Takaful adalah insurans secara Islam, sebagai institusi kewangan Islam yang bergerak mengikut landasan hukum syarak, insurans secara Islam dalam bentuk moden merupakan bidang perniagaan yang baru diterokai. Sejarahnya bermula pada tahun 1979 apabila syarikat insurans secara Islam yang pertama ditubuhkan di Sudan iaitu Syarikat Insurans Islam Sudan. Ekoran daripada penubuhan syarikat ini, pelbagai usaha telah dibuat terutamanya oleh negara-negara Islam untuk menubuhkan syarikat insurans yang menawarkan perniagaan insurans secara Islam (Mohd Fadzli Yusof, 1996).

Lanjutan daripada ini, pada awal 1980-an beberapa buah syarikat insurans secara Islam mula ditubuhkan termasuk juga yang beroperasi di negara-negara Eropah. Antaranya ialah Syarikat Insurans Islam Arab yang ditubuhkan pada tahun





1979 di Arab Saudi. Pada tahun 1983, telah diperbadankan Syarikat Takaful Islam Luxembourg, oleh Dar Al-Maal Al-Islami (DMI). Insurans Islam juga menyediakan khidmatnya di Britain melalui Islamic Takaful Company (ITC), London.

Di Asia, Malaysia adalah negara pertama yang merintis perniagaan insurans secara Islam melalui penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd yang memulakan operasinya pada Ogos 1985. Pada Mei 1993, Negara Brunei Darussalam telah mencontohi Malaysia dengan munculnya Takaful IBB Berhad. Kini Indonesia pula telah mengikuti langkah yang sama. Dengan kerjasama teknikal daripada Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Indonesia telah diperbadankan. Perniagaan takaful mula beroperasi di Indonesia pada Ogos 1994.



1.2.2 Penubuhan Syarikat Takaful di Malaysia.

Di Malaysia, kesedaran tentang keperluan penubuhan syarikat insurans Islam bermula daripada inisiatif Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam persidangan kelima pada 15 Jun 1972 yang memutuskan insurans hayat yang ada sekarang tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam dan ia adalah haram iaitu dilihat dari segi aqadnya yang mengandungi unsur-unsur judi, gharar dan riba. Keputusan ini telah dipanjangkan kepengetahuan Majlis Kebangsaan untuk pertimbangan dan persetujuan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dalam mesyuarat pada 4 September 1972. Mesyuarat tersebut menangguhkan keputusannya dan





mencadangkan supaya perkara tersebut dikaji semula dengan mendapatkan fatwa-fatwa dari negara-negara Islam di Timur Tengah (Othman Yong, 1993).

Badan Perunding Islam seterusnya telah bersetuju dengan perakuan-perakuan Jawatankuasa Kecil tersebut seperti berikut:-

- i. Mengesyorkan kepada kerajaan supaya mengkaji syor-syor yang dibuat dalam kertas kerja itu untuk membolehkan perjalanan syarikat insurans beroperasi mengikut lunas-lunas Islam. Dicapangkan juga penubuhan sebuah Badan Petugas Khas untuk mengkaji dengan lebih mendalam cadangan yang disyorkan itu supaya perjalanan syarikat insurans Islam dapat dilaksanakan.
- ii. Satu lawatan dilakukan di negara-negara Islam yang telah menjalankan pengurusan syarikat insurans secara Islam seperti Switzerland, Sudan, Arab Saudi dan Pakistan bagi meninjau dengan lebih mendalam perjalanan dan pengurusan syarikat tersebut (Ab. Mukmin Ab. Ghani 1999)

Pada 25 Oktober 1982, terbentuklah Badan Petugas Khas yang diketuai oleh Datuk Prof. Ahmad Ibrahim dianggotai bersama oleh lapan orang ahli yang terdiri daripada para ulama' syariah, pakar undang-undang dan pakar insurans moden. Urusetia bersamanya ialah Bahagian Kabinet dan Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri. Badan Petugas dalam mesyuarat pertamanya bersetuju menubuhkan tiga





buah jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Kecil Undang-Undang, Jawatankuasa Kecil Operasi dan Jawatankuasa Kecil Syariah.

Badan Petugas ini mengkaji dan menganalisis keperluan penubuhan insurans Islam dengan merujuk kepada Bank Islam Malaysia Berhad sebagai sumber asas untuk kajian dibidang urusniaga, pelaburan dan pemasarannya. Selain itu beberapa rujukan dan lawatan keluar negeri juga dibuat khususnya di Sudan dan Switzerland. Akhirnya pada 15 Jun 1984 badan ini telah mengeluarkan laporannya yang mengandungi resolusi dan panduan terperinci tentang cara syarikat insurans Islam di Malaysia boleh ditubuhkan dengan jayanya (Othman Yong 1993).



1.2.3 Latar Belakang Perkembangan Industri Takaful di Malaysia.

Perniagaan Takaful di Malaysia telah berkembang dengan hebatnya, ramai orang Islam sedar tentang sistem takaful dan bantuan kerajaan yang positif. Industri takaful secara dasarnya berkembang dengan cepat dan agresif. Prestasi ini dapat diukur dengan tahap penguasaan pasaran industri terus meningkat dengan mencakupi 5.6% (2001: 4.8%) bahagian caruman sektor insurans (jumlah industri takaful dan insurans) hasil daripada pertumbuhan gabungan perniagaan Takaful Keluarga dan Takaful Am sebanyak 27.0% daripada RM787.6 juta kepada RM 1.002 billion pada tahun 2002 (Laporan Tahunan Takaful 2002, BNM).





Perniagaan Takaful Keluarga yang menguasai 66.7% daripada jumlah keseluruhan caruman kekal sebagai sumber pendapatan utama industri takaful. Penembusan pasaran bagi perniagaan Takaful Keluarga (jumlah sijil berkuatkuasa) dibahagi dengan jumlah penduduk juga meningkat daripada 3.2% kepada 3.8%. Walaupun industri takaful telah wujud di negara Malaysia sejak 1984 namun, ia masih jauh untuk menembusi pasaran di Malaysia berbanding Industri Insurans.

Sasaran yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menguasai 30% pasaran Insurans di Malaysia pada 2010 merupakan satu langkah yang baik untuk mengukuhkan industri takaful. Pelbagai langkah telah disusun dan diatur antara BNM dan pengendali takaful untuk menjadikan industri takaful sebagai satu industri yang cekap dan progresif seperti yang dihasratkan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Usaha-usaha telah ditumpukan ke arah pembangunan prasana kewangan. Peningkatan kemampuan institusi serta pembangunan produk dan pasaran selain bekerjasama di peringkat antarabangsa.

Dalam usaha untuk meningkatkan industri takaful di Malaysia, pada bulan Mei 2002 pihak BNM telah meluluskan pendaftaran satu lagi pengendali takaful yang merupakan subsidiari kepada sebuah kumpulan perbankan untuk menjadikan tiga buah pengendali takaful kesemuanya. Dua syarikat pengendali takaful sebelum ini ialah Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional Sdn. Bhd.





Menurut Gabenor BNM, Zeti Akhtar Aziz, (Laporan Tahunan Takaful 2002) menyarankan agar pengendali takaful untuk menilai semula strategi perniagaan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan bagi industri takaful di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan. Pihak BNM telah membuat program tanda aras untuk pengendali takaful merangka strategi bagi memperbaiki kelemahan mereka.

Kini, industri takaful di Malaysia telah muncul sebagai sebuah industri yang berkembang pesat dalam sektor insurans sejak diperkenalkan pada tahun 1985. Daripada jumlah aset sebanyak RM 1.9 juta pada tahun 1986, industri takaful telah mencapai RM 3.6 bilion pada tahun 2002 dan mencakupi 5.2% daripada jumlah aset sektor insurans. Disamping itu, jumlah sumbangan juga telah meningkat daripada RM 1.6 juta pada tahun 1986 kepada RM 1.0 bilion pada tahun 2002 mencakupi 5.6% daripada jumlah premium sektor insurans.

1.2.4 Syarikat-Syarikat Takaful di Malaysia

1.2.4.1 Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad memulakan operasinya pada 15 Julai 1985 sebagai sebuah syarikat Insurans Islam pertama di Malaysia. STMB merupakan anak syarikat BIMB ketika itu dan kini sebagai Syarikat Kumpulan BIMB Holding.





Akhir Julai 1996, menyaksikan STMB menjadi syarikat Insurans Islam pertama yang disenaraikan sahamnya di Papan Utama BSKL.

1.2.4.2 Syarikat Takaful Nasional Sdn. Bhd.

Takaful Nasional Sdn Bhd pada awal penubuhannya dikenali sebagai MNI Takaful Sdn Bhd merupakan anak syarikat Malaysia Nasional Insurance (MNI). Ia merupakan syarikat Takaful kedua ditubuhkan di Malaysia pada 15 Oktober 1993 dengan modal berbayar ketika itu sebanyak RM25 juta.

1.2.4.3 Maybank Takaful Berhad



Maybank Takaful Berhad didaftarkan di bawah akta takaful 1984 pada 31 Disember 2001 dan memulakan operasinya pada 1 Julai 2002 dengan modal berbayar RM35 juta dan modal dibenarkan RM100 juta. Maybank Takaful mengadaptasikan konsep Bancassurance dan menyumbangkan produk mereka melalui 400 cawangan lebih Maybank di seluruh Malaysia.

1.2.4.4 Takaful Ikhlas Sdn Bhd

Takaful Ikhlas adalah syarikat takaful yang keempat dan terbaru yang dibenarkan oleh pihak Bank Negara Malaysia untuk menjalankan operasi di bawah akta takaful





1984. Dimiliki sepenuhnya Malaysian Nasional Reinsurance Berhad dan merupakan pemegang saham utama iaitu 100 peratus. Takaful Ikhlas beroperasi dengan modal berbayar sebanyak 151 juta.

1.2.5 Jenis Perlindungan Takaful

Syarikat Takaful yang beroperasi di Malaysia menyediakan dua jenis perlindungan takaful iaitu Takaful Keluarga dan Takaful Am. Dua jenis perlindungan yang ditawarkan ini, mewakili Insurans Hayat dan Insurans Am dalam sistem Insurans Konvensional.



1.2.5.1 Takaful Keluarga

Takaful Keluarga merupakan satu skim yang berupa simpanan dan pelaburan oleh orang ramai. Perlindungan ini merupakan satu ikhtiar perancangan untuk meringankan beban kewangan yang mungkin ditanggung oleh peserta atau warisnya jika ditakdirkan dia mengalami kecacatan tubuh badannya yang menyebabkan hilang keupayaan untuk terus bekerja mencari sara hidup ataupun dia menemui ajal (Othman Yong 1993). Mereka yang menyertai skim ini, dipanggil peserta-peserta takaful. Jumlah wang caruman yang disumbangkan secara beransur-ansur oleh peserta-peserta takaful akan digunakan untuk menanggung dan membantu peserta-peserta yang ditimpa sesuatu bencana seperti kematian atau kemalangan dan





lebihnya akan dilaburkan dalam bidang-bidang pelaburan yang dibenarkan oleh syariah.

Peserta-peserta berhak mendapatkan balik keuntungan daripada pelaburan tersebut. Sebenarnya perlindungan takaful keluarga ini, adalah satu bentuk perlindungan bagi individu yang ingin berusaha membuat persediaan bagi menghadapi bencana yang akan menimpa dirinya. Disamping itu juga perlindungan ini merupakan usaha menyediakan sejumlah wang untuk bekalan di hari tua. Pelan-pelan takaful Keluarga disusun bagi tujuan membolehkan peserta atau warisnya mendapatkan perlindungan secara:

- i.  05-4506832 Menyimpan dan menabung dengan kadar yang berterusan.
- ii. Mendapatkan keuntungan melalui pelaburan wang.
- iii. Manfaat takaful kepada peserta yang ditimpa malapetaka dan bencana.
- iv. Mengendalikan bahagian simpanan dan bahagian untung serta memanfaatkan takaful kepada mereka yang tidak ditimpa malapetaka dan bencana.
- v. Menyediakan wang tunai dan pendapatan kepada ahli keluarga sekiranya pemegang sijil meninggal dunia.
- vi. Menyediakan sumber kewangan untuk pendidikan anak-anak.
- vii. Memperuntukan sumber pendapatan kepada Pesara di hari tua.
- viii. Membayar bil hospital sekiranya peserta sakit atau kemalangan.





Perniagaan Takaful Keluarga terbahagi dua sektor seperti berikut :

a) Sektor Perseorangan/Individu

Pelan Takaful Keluarga dengan tempoh matang selama 10, 15, 20, 25, 30, 35 dan 40 tahun. Perjanjian sampingan dalam bentuk manfaat-manfaat hospital, kemalangan diri, keilangan kekal seluruh anggota badan dan khairat keluarga yang boleh diperbadankan kepada pelan di atas iaitu Pelan kakitangan Utama, Pelan Takaful Keluarga Untuk Pelajaran, Pelan Takaful Gadaijanji, Takaful Rawat, Pelan Takaful Ma'asyi, Pelan Takaful Siswa, Pelan Takaful Waqaf.

b) Sektor Berkelompok

Sektor berkelompok terdiri daripada pelan Takaful Keluarga Berkelompok, Pelan Takaful Keluarga Berkelompok (Melindungi Kemudahan Kredit / Pembiayaan) dan Takaful Rawat Berkelompok.

Jenis-Jenis Produk Takaful Keluarga

Terdapat perbagai pelan takaful keluarga yang ditawarkan kepada individu dan berkelompok di pasaran untuk menyaingi insurans konvensional. Antaranya:

Takaful Pendidikan / Pelajaran

Pelan ini bertujuan untuk memudahkan seseorang itu (ibu atau bapa) mengumpul dana persendirian sebagai ikhtiar dan usaha bagi mewujudkan tabung biasiswa





untuk membiayai pelajaran tinggi anak-anak jika ditakdirkan penjaga menemui ajal lebih awal.

Takaful Anuiti / Persaraan

Anuiti adalah pendapatan berkala yang diterima sebagai pertukaran sejumlah besar bayaran sekaligus yang dibuat kepada syarikat insurans. Pembeli anuiti akan menerima pendapatan ini sepanjang hayat atau bagi tempoh tertentu. Tujuan Skim Anuiti Takaful KWSP (SATK) untuk memberikan satu lagi alternatif kepada ahli yang memerlukan pendapatan bulanan setelah bersara. SATK adalah satu skim berelemen insurans yang memberikan jaminan kewangan seumur hidup kepada ahli dan jaminan bagi tempoh tertentu kepada wasi/waris ahli. Di bawah skim ini ahli boleh menggunakan simpanan KWSP untuk membeli Anuiti daripada syarikat insurans yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dan ahli akan menerima bayaran anuiti setiap bulan sepanjang hayat.

Takaful Pelaburan

Pelan ini merupakan program tabungan berasaskan pelaburan saham secara pukal atau berkelompok yang pemilikannya dikira mengikut jumlah unit, seumpama saham amanah, digabungkan pula dengan manfaat takaful dengan kata lain wang caruman takaful dilabur untuk memperolehi keuntungan selain jaminan perlindungan melalui produk takaful jika ditakdirkan sesuatu musibah menimpa pemilik atau pesertanya. Sebahagian daripada caruman peserta akan digunakan





untuk membeli unit-unit pelaburan seperti unit saham atau sekuriti pendapatan tetap.

Perlindungan takaful merangkumi kematian dan hilang upaya kekal.

Takaful Perubatan dan Kesihatan

Pelan ini memberi perlindungan terhadap kos rawatan perubatan persendirian seperti kos hospital dan penjagaan kesihatan, jika peserta didiagnosis mengidap penyakit tertentu atau terlibat dalam kemalangan.

1.2.5.2 Perniagaan Takaful Am

Perniagaan Takaful Am menyediakan berbagai produk yang dikenali dengan nama Skim Takaful Am. Skim ini adalah program kewangan jangka pendek yang menyediakan manfaat perlindungan ke atas kehilangan atau kerugian akibat musibah menimpa harta benda atau perkara yang dilindungi seperti bangunan, rumah, kenderaan bermotor, stok perniagaan atau apa jua harta milik Peserta.

Jenis Skim

Berbagai jenis Skim Takaful Am disediakan oleh STM bagi memenuhi keperluan perlindungan individu dan juga badan korporat yang dibahagikan kepada sektor berikut:





- A) Takaful Kebakaran.
- B) Takaful Kemalangan dan Pelbagai.
- C) Takaful Marin.
- D) Takaful Kejuruteraan.
- E) Takaful Motor.

1.3 Pendapat Ulama Tentang Hukum Insurans

Ulama berselisih pendapat tentang hukum insurans dan pandangan mereka dapat dibahagikan kepada tiga bentuk:

- i. Golongan yang mengharuskan kontrak insurans kerana ia merupakan suatu kontrak bank yang tidak terdapat pada zaman kegemilangan fiqh dahulu dan kewujudannya tidak bercanggah dengan syariah Islam.
- ii. Golongan yang mempunyai pendapat berbelah bagi atau yang berpendapat sesetengah insurans itu adalah harus dan sesetengahnya pula diharamkan. Walaubagaimanapun ia lebih cenderung kepada pendapat haram.
- iii. Golongan yang berpendapat ia adalah satu skim yang haram sama sekali. Pandangan ini merupakan pendapat majoriti ulama fiqh.





Sebahagian besar ulama mengatakan kontrak syarikat insurans konvensional tidak selaras dengan kehendak-kehendak hukum syarak kerana ianya dikatakan mengandungi unsur-unsur berikut:-

i. Unsur *Gharar*

Menurut ahli undang-undang dan ulama' syariah, unsur *gharar* (ketidakpastian) terdapat dalam kontrak pertukaran harta benda yang dilihat melalui hubungan antara penginsurans dengan orang yang diinsuranskan. Dalam hal ini orang yang diinsuranskan membayar premium kepada penginsurans dan sebagai pertukarannya, pihak syarikat penginsurans memberikan pampasan seperti yang dijanjikan semasa kontrak dimeteraikan, setelah berlaku sesuatu bencana kepada orang yang diinsuranskan.



Gharar bermaksud ketidakpastian yang wujud dalam kontrak insurans iaitu dalam empat bentuk ketidakpastian iaitu:-

- a. Tentang *Hasil Pertukaran*, pihak penginsurans dengan orang yang diinsuranskan tidak tahu sama ada mereka akan memperoleh atau tidak memperoleh hasil pertukaran.
- b. Tentang sama ada *terdapat atau tidak terdapat kontrak-kontrak* bagi sesuatu yang belum terjadi.
- c. Tentang *kadar pertukaran* yang dalam hal ini kedua-dua pihak tidak mengetahui dengan jelas tentang bayaran yang akan mereka perolehi.





d. Tentang *tempoh masa* iaitu tidak diketahui bila bencana akan berlaku.

ii. Unsur *Maisir* atau Perjudian.

Keseluruhan asas kontrak insurans adalah berdasarkan sesuatu kejadian yang tidak pasti terjadi yang mana ianya mungkin berlaku atau tidak. Asas sebegini lebih merupakan satu pertaruhan atau loteri. Pembayaran pampasan yang tertakluk kepada bencana yang belum pasti terjadi itu menjadikan kontrak insurans sebagai satu pertaruhan. Islam menganggap sebagai suatu perjudian apabila seseorang pemegang polisi insurans nyawa meninggal dunia sedangkan tempoh perjanjiannya belum tamat dan hanya membayar sebahagian daripada insurans caruman yang dipersetujui, tetapi kemudian diberikan pula pampasan yang tidak dijelaskan dari mana asalnya pampasan tersebut. Syarikat insurans boleh mengalami keuntungan atau kerugian disebabkan oleh tuntutan yang seolah-olah bergantung kepada nasib. Keuntungan daripada nasib ini dianggap seperti berjudi.

iii. Unsur Mu'amalah Riba

Kontrak insurans termasuk dalam kontrak *Sarf*, iaitu pertukaran nilai wang dengan nilai wang yang mengikuti kaedah riba, nilainya mestilah sama dan segera (tidak boleh ditangguh), semasa kontrak itu dibuat. Pampasan dan premium dalam kontrak insurans tidak sama dan sekalipun sama, ia tidak





dilakukan dalam bentuk segera. Oleh itu ia adalah haram kerana wujudnya unsur *Riba al-Fadl* dan *Riba Al-Nisa'*. Premium yang terlewat bayar akan dikenakan bunga mengikut kadarnya yang tertentu dan ini nyata melibatkan riba. Keseluruhan simpanan tabungan wang syarikat insurans dilaburkan pada pelaburan yang berasaskan riba dan amalan-amalan lain yang tidak diluluskan oleh syarak.

1.4 Kawalan Undang-Undang dan Peraturan Takaful

Penubuhan dan perjalanan operasi Takaful tertakluk di bawah undang-undang dan peraturan berikut:-

- a) Akta Syarikat, 1965.
- b) Akta Takaful, 1984 dan pindaannya 1985.
- c) Akta Insurans, 1963 dan pindaan-pindaannya.
- d) Akta Bank Islam 1983.
- e) Akta Pelaburan Kerajaan 1983.

Selain di atas, syarikat takaful diawasi oleh Lembaga Pengawasan Syariah yang ahli-ahlinya terdiri daripada para ulama' Islam, pakar-pakar bidang syariah, perundangan dan ekonomi Islam. Lembaga ini berhubung rapat dengan Lembaga Pengawasan Syariah bagi syarikat-syarikat Insurans Islan di Sudan, Arab Saudi dan Switzerland. Lembaga ini hanya akan memutuskan sama ada kegiatan syarikat





selaras dengan prinsip Islam. Dalam hal memberikan nasihat dan memutuskan sesuatu dasar itu, lembaga ini membuat keputusannya berdasarkan keputusan syura dan bukan keputusan majoriti. Soal-soal pengurusan dan dasar-dasar harian syarikat menjadi tanggungjawab Lembaga Pengarah Syarikat. Manakala juruaudit syarikat pula bertanggungjawab memastikan keputusan-keputusan Lembaga Pengawasan Syariah dipatuhi (Othman Yong, 1983).

1.5 Konsep-Konsep Insurans Islam

Syarikat Insurans Islam menjalankan operasi niaganya berdasarkan beberapa konsep dan prinsip Islam yang menjadikannya berlainan daripada syarikat insurans biasa yang lain.

1.5.1 Konsep Takaful

Perkataan *takaful* berasal daripada perkataan *kafala* yang membawa maksud *menjamin*. Dari segi sejarahnya, *kafala* wujud sejak zaman Rasulullah lagi yang pada masa itu, orang-orang Arab suka berperang dan bunuh-membunuh sesama sendiri. Dengan itu diwujudkan tabung bersama bagi menebus rakan-rakan yang ditawan musuh ataupun untuk membayar ganti rugi kerana kerosakan bencana alam, kecacatan atau kecederaan.



Menurut seksyen 2, Akta Takaful 1984 mentakrifkan takaful sebagai suatu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta yang diperlukan dimana peserta-peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud itu.

Pada hari ini, konsep *takaful* diamalkan dengan meluas oleh syarikat insurans Islam. Ia mengandungi tiga prinsip utama iaitu:-

- a) Saling bertanggungjawab.
- b) Saling bekerjasama iaitu bantu-membantu.
- c) Saling melindungi daripada sebarang kesusahan.

Jelasnya, di bawah konsep takaful, setiap peserta insurans bersetuju menyumbangkan kewangan dengan ikhlas (*tabarru'*) untuk sama-sama menanggung risiko disebabkan oleh sesuatu kejadian kemalangan atau bencana melalui penekanan perpaduan dan persaudaraan. Dengan perkataan lain perjanjian yang dibuat merupakan persetujuan perkongsian untung rugi dalam perniagaan antara pemodal (orang yang diinsuranskan) yang memberi modal bagi sesuatu urusan niaga dengan pengusaha penginsurans yang mengendalikan perniagaan tersebut.

1.5.2 Konsep Tabarru'

Perkataan *tabarru'* bererti derma mengandungi unsur-unsur membuat kebajikan dan mengurniakkannya dengan reda iaitu bukan dengan niat untuk jual beli. Hanya dengan niat *tabarru'* terhadap caruman yang dibuat sahaja yang menjadikan urus niaga insurans itu sebagai sah. Pemakaian konsep ini jelas kepada kes yang pesertanya menarik diri daripada meneruskan penyertaan skimnya dan bersetuju untuk memberikan tiga peratus daripada simpanannya kepada syarikat. Derma yang dihulurkan ini adalah menyamai konsep tabungan khairat kematian yang disertai dengan niat, prinsip dan urus niaga secara Islam.

1.5.3 Konsep *Aqad* dan *Gharar*

Perkataan *gharar* membawa maksud ketidakpastian tentang berlakunya sesuatu perkara yang tidak diingini atau ditakuti. Perkataan *aqad* pula membawa maksud berlakunya perjanjian yang melibatkan tiga unsur iaitu syarikat (pihak yang mengadakan *aqad*), barang, perkhidmatan atau bayaran (suatu yang diaqadkan) dan pemodal (pihak yang melafazkan *aqad* itu). Kedua-dua konsep ini saling berkait dan digunakan serentak dalam urus niaga insurans Islam.



1.5.4 Konsep Urus Niaga Islam

Sistem perdagangan dan pelaburan Islam menitikberatkan hubungan baik antara pemodal dengan pengusaha. Kedua-dua pihak mendapat ganjaran (keuntungan) yang adil dan saksama yang kedua-dua mereka tertakluk kepada konsep pengharaman riba dan berkongsi untung rugi. Bentuk-bentuk urus niaga yang dibenarkan dalam Islam juga digunakan dalam rancangan insurans Islam.

1.6 Pernyataan Masalah

Walaupun industri takaful wujud di Malaysia hampir dua puluh tahun. Namun masih ramai dikalangan masyarakat tidak tahu tentang kewujudannya. Kebanyakan masyarakat bukan Islam di negara ini masih menganggap Takaful untuk masyarakat Islam sahaja. Selaras dengan perkembangan Sistem Kewangan Islam di negara ini yang mahukan Malaysia menjadi sebuah negara Islam yang mempunyai Sistem Kewangan Islam yang lengkap dengan Perbankan Islam, Ekonomi Islam, Waqaf dan Gadaian Islam maka, Takaful juga tidak boleh dipinggirkan. Takaful sebagai pelengkap kepada sistem perbankan Islam di Malaysia.

Bagi memastikan hasrat dan harapan Negara ini tercapai, pendedahan masyarakat terhadap industri Takaful hendaklah diperluaskan. Ini adalah penting untuk menyertai serta menyokong sektor Takaful. Terdapat perbezaan yang nyata diantara produk Takaful dan Insurans. Produk Takaful dibangunkan berlandaskan





hukum syarak serta bertujuan untuk membebaskan masyarakat dari belenggu riba, unsur gharar dan penindasan.

Adalah penting untuk mengetahui sama ada masyarakat hari ini menyedari bahawa terdapat perbezaan yang jelas antara sistem Takaful dan Insurans sama ada dari segi konsep, operasi, perkhidmatan dan produk. Di mana Takaful dipantau oleh Majlis Pengawasan Syariah dalam segala operasi dan produknya.

Masih terdapat di kalangan masyarakat Islam di negara ini menganggap Insurans dan Takaful adalah sama. Kedua-duanya adalah haram dari segi syarak. Oleh yang demikian mereka telah menolak sistem takaful sebagai satu insurans secara Islam. Dalam keadaan ini masyarakat perlu diberi kesedaran dan kempen-kempen yang lebih agresif untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan takaful.

Datuk Abdul Rahman Daud (Buletin Terkini Takaful Nasional), menyatakan kesedaran masyarakat melayu terhadap Insurans Islam dinegara ini masih rendah, apabila lapan peratus menyertainya. Keadaan ini berlaku kerana orang Melayu kurang faham dan ada antara mereka tidak memperdulikan kewujudan sistem insurans Islam seperti takaful dan kepentingan menyertainya. Pelbagai pihak harus menggerakkan usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Melayu khususnya





dan seluruh rakyat Malaysia amnya tentang kepentingan insurans Islam kerana faedahnya besar.

Penyertaan masyarakat dalam Takaful Keluarga masih kurang. Pelbagai alasan diberikan apabila kita bertanya mengapa mereka tidak menyertai takaful, ada yang tidak mendapat maklumat, tidak mempunyai pendapatan lebih, takaful tipu dan sebagainya. Alasan-alasan yang dinyatakan ini akan digunakan untuk mencari penyelesaian agar dapat membuang segala kekeliruan dan masalah yang dihadapi agar sistem takaful dapat diterima oleh masyarakat.

Walaupun sistem takaful untuk semua golongan masyarakat dan keturunan, namun apa yang didapati ianya hanya tertumpu kepada masyarakat Melayu dan beragama Islam sahaja berbanding bangsa lain. Sistem takaful berkehendakkan kepada semua penyertaan untuk melihat ianya terus maju dan berdaya saing. Sokongan diperlukan dari semua peringkat sama ada individu korporat, kerajaan dan masyarakat umum.

Pengendali takaful yang ada sekarang perlu melakukan aktiviti pemasaran yang lebih serius dan menambah bilangan ejen dan pegawai pemasaran agar maklumat tentang takaful dapat sampai kepelusuk Negara. Penggunaan media elektronik adalah perlu untuk mempercepatkan saluran mpenyampaian maklumat.





Walaupun pada dasarnya industri takaful telah berkembang dengan maju, namun ia masih jauh berbanding industri insurans di negara ini. Berdasarkan kepada kenyataan di ataslah maka kajian ini dijalankan bagi mengkaji apakah faktor yang menyebabkan kepada kurangnya masyarakat menyertai takaful. Kajian ini tertumpu kepada penyertaan semua golongan masyarakat tidak kira Melayu, Cina, India dan bangsa lain. Kajian juga melihat ciri-ciri peserta takaful, dari segi umur, jantina, pekerjaan, pendapatan bulanan dan sebagainya. Disamping itu, kajian juga akan cuba mencari jawapan mengapa masyarakat bukan Islam kurang menyertai Takaful.

1.7 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji cuba untuk melihat Industri Takaful Keluarga dari pandangan masyarakat dan apakah kehendak dan ciri peserta takaful. Di samping itu dapat membantu industri takaful fokus untuk beberapa tahun akan datang. Berikut adalah beberapa objektif kajian ini dijalankan:

- i. Untuk menyiasat golongan peserta takaful dan bukan peserta takaful dari segi demografi.
- ii. Untuk menyiasat apakah alasan utama responden menyertai perlindungan takaful keluarga.
- iii. Untuk mengetahui alasan yang diberikan jika tidak menyertai Takaful Keluarga.





- iv. Untuk mengetahui siapakah yang mempunyai Insurans Konvensional.
- v. Untuk mengetahui apakah alasan responden mempunyai Insurans Konvensional.
- vi. Untuk melihat apakah faktor-faktor yang dipertimbangkan sebelum menyertai Takaful Keluarga.
- vii. Pandangan umum terhadap industri takaful di negara ini.

Dengan objektif kajian yang dinyatakan di atas, pengkaji mengharap kajian ini dapat menjawab persoalan kajian sepenuhnya dan dapat mencari jawapan dari persoalan yang timbul.



1.8 Hipotesis Kajian

Terdapat lima hipotesis yang akan diuji dalam kajian ini iaitu:

1. H_0 : Faktor Pendidikan mempengaruhi seseorang menyertai Takaful Keluarga.
2. H_0 : Faktor tingkat pendapatan bulanan dapat mempengaruhi menyertai Takaful Keluarga.
3. H_0 : Faktor agama mempunyai hubungan positif dengan menyertai Takaful Keluarga.





4. H₀: Faktor bangsa mempunyai hubungan yang positif dengan menyertai Takaful Keluarga.
5. H₀: Promosi yang dilakukan oleh syarikat takaful mempunyai hubungan yang positif dengan menyertai Takaful Keluarga.

